



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN SEGIM PERKUKUH EKOSISTEM EKONOMI GIG MENJELANG PENGUATKUASAAN AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menyambut baik keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) sebagai badan penyelaras utama bagi memperkukuh tadbir urus ekosistem ekonomi gig di negara ini.

Penubuhan SEGiM merupakan langkah strategik yang selari dengan pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] yang dijadualkan berkuat kuasa sepenuhnya pada 31 Mac 2026. Pada peringkat ini, skop SEGiM tertumpu kepada pekerja gig yang beroperasi melalui platform digital. Walau bagaimanapun, melalui Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) di bawah KESUMA, perlindungan yang diperkenalkan adalah lebih menyeluruh kerana merangkumi kedua-dua pekerja gig berplatform dan juga pekerja gig bukan platform. Akta ini diperkenalkan bagi menyediakan kerangka perundangan yang lebih jelas untuk melindungi kebajikan pekerja gig di samping memastikan pembangunan sektor ekonomi gig berkembang secara mampan, tersusun dan adil.

Melalui Akta 872, beberapa mekanisme utama akan diperkenalkan bagi memperkukuh perlindungan pekerja gig termasuk aspek ketelusan kontrak, mekanisme penyelesaian pertikaian serta pengukuhan perlindungan keselamatan sosial. Rangka kerja ini bertujuan memastikan hubungan kerja antara pekerja gig dan penyedia platform dilaksanakan secara lebih telus, seimbang dan bertanggungjawab.

KESUMA kini berada di fasa akhir persediaan menjelang penguatkuasaan Akta 872. Antara langkah utama yang sedang dilaksanakan ialah penubuhan Majlis Perundingan Gig, iaitu sebuah platform tripartit yang menghimpunkan wakil kerajaan, wakil pekerja gig serta wakil entiti kontrak. Majlis ini berperanan menasihati dan mengemukakan syor kepada Kerajaan berkaitan kadar pendapatan minimum, formula serta standard minimum yang akan digunapakai dalam sektor gig. Selain itu, Majlis ini turut berfungsi sebagai platform dialog, rundingan dan nasihat dasar berhubung isu-isu yang timbul dalam ekosistem ekonomi gig.

Majlis Perundingan Gig akan dipengerusikan oleh KESUMA sebagai kementerian peneraju yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dasar dan pelaksanaan Akta 872. Bagi memastikan kesinambungan antara peranan Majlis Perundingan Gig dan SEGIM serta mengelakkan pertindihan fungsi, KESUMA turut mengemukakan pencalonan wakil pegawai awam melalui Pejabat Timbalan Perdana Menteri untuk menganggotai Majlis tersebut. Penyertaan ini diyakini dapat memperkukuh penyelarasan dasar dan tadbir urus sektor gig negara secara lebih menyeluruh.

Selain itu, Akta 872 turut memperkukuh aspek perlindungan keselamatan sosial bagi pekerja gig. Melalui peruntukan akta ini, penyedia platform mempunyai kewajipan untuk memastikan pendaftaran pekerja gig di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] serta membuat potongan daripada pendapatan pekerja gig bagi tujuan caruman kepada skim keselamatan sosial melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Mekanisme ini dijangka dapat meningkatkan jumlah pekerja gig yang mencarum dan memastikan mereka layak menerima perlindungan sekiranya berlaku kemalangan semasa menjalankan perkhidmatan.

Sebagai sebahagian daripada langkah persediaan menjelang penguatkuasaan Akta 872, KESUMA turut memperkenalkan beberapa mekanisme penting termasuk penubuhan Tribunal Pekerja Gig bagi menyediakan saluran penyelesaian pertikaian yang lebih cepat, telus dan mudah diakses oleh pekerja gig. Pada masa yang sama, garis panduan pelaksanaan juga sedang disediakan kepada penyedia platform bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta 872 dapat dilaksanakan secara teratur dan konsisten.

Ke hadapan, KESUMA akan terus bekerjasama rapat dengan SEGIM serta semua pemegang taruh termasuk pemain industri, wakil pekerja gig dan agensi kerajaan bagi memastikan pelaksanaan Akta 872 berjalan lancar dan memberi manfaat kepada seluruh ekosistem ekonomi gig negara.

Kerajaan MADANI komited untuk memastikan perkembangan ekonomi digital negara sentiasa seiring dengan perlindungan sosial yang adil dan mampan. Penubuhan SEGIM serta penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 merupakan langkah penting dalam memastikan fleksibiliti ekonomi gig dapat terus berkembang tanpa mengabaikan kebajikan dan keselamatan pekerja yang menjadi tunjang kepada sektor ini.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

08 MAC 2026

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	